

**PEMBERITAHUAN BERKENAAN LARANGAN PENGGUNAAN NAMA, LOGO ATAU
JENAMA NORTHPORT TANPA KEBENARAN UNTUK PENGANJURAN ACARA**

Northport (Malaysia) Bhd ("Northport") mengambil maklum dengan serius sebarang penggunaan nama, logo atau jenama Syarikat secara tidak sah dalam penganjuran acara, program atau aktiviti tanpa kelulusan bertulis. Kami ingin mengingatkan bahawa tindakan sebegini adalah **dilarang sama sekali**.

Penggunaan nama, logo atau jenama Northport tanpa kebenaran untuk menganjur atau mempromosikan sebarang acara boleh membawa akibat undang-undang. **Northport tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya, termasuk tindakan undang-undang, terhadap mana-mana pihak yang menyalahgunakan identiti korporat kami tanpa kebenaran.**

Kami ingin menegaskan bahawa semua pihak perlu mendapatkan kelulusan rasmi daripada pihak pengurusan Northport sebelum mengaitkan Syarikat ini dengan mana-mana acara. **Kegagalan untuk berbuat demikian akan dianggap sebagai satu pelanggaran serius terhadap integriti korporat kami dan boleh dikenakan tindakan tegas.**

Untuk pengesahan dan kelulusan rasmi, sila hubungi sila hubungi En. Azmi Anis, Ketua Jabatan Komunikasi Korporat, di talian 012-320 7755 atau e-mel azmi@northport.com.my

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat
Northport (Malaysia) Bhd

17 Mac 2025